TEKS UCAPAN
PERASMIAN PENUTUP

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA
KONVENSYEN PEMERKASAAN KEPIMPINAN LUAR BANDAR MADANI TAHUN 2024

4 NOVEMBER 2024
HOTEL TENERA, BANGI

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

SALUTASI
(Akan diberikan sebelum majlis)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera.

MUKADIMAH

1. Peranan seorang ketua di sesebuah kampung atau kawasan pedesaan dahulu ada bezanya dengan yang sekarang. Dahulu, seorang ketua yang dilantik banyak tertumpu kepada nak cop dokumen sama ada waktu nak masuk sekolah atau masuk universiti dan ada juga datang untuk membuat pengesahan orang bujang.

2. Kita juga biasa melihat ketua komuniti ini memainkan peranannya di kenduri kendara, membantu orang yang memerlukan dan ada kalanya watak mereka hadir menyelesaikan konflik agar masyarakat di kawasan kendaliannya dapat hidup dengan aman.

3. Namun kini, tanggungjawab seorang ketua di desa jauh lebih luas dan menyeluruh. Mereka bukan hanya sekadar

menyantuni, tetapi juga memastikan kemajuan dan kesejahteraan terus diperkukuhkan. Mereka kini mencari peluang pendidikan untuk anak muda, mencipta peluang ekonomi yang boleh dinikmati bersama, serta merencana program dan aktiviti demi membina keharmonian desa.

4. Oleh sebab itu lah saya rasa amat teruja melihat lebih 1,200 peserta yang mewakili JPKK, JPKKP dan JPKKOA dari seluruh negara hadir ke **Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Luar Bandar MADANI Tahun 2024** untuk bersama-sama berkongsi idea dan menimba ilmu dalam membangunkan komuniti desa yang lebih lestari.

5. Pertemuan ini sebenarnya diputuskan semasa Pemukiman Kementerian pada Februari lalu, dan kami yakin bahawa melalui perhimpunan sebegini, ia bukan sahaja mendekatkan pemimpin tempatan dengan warga KKDW, tetapi juga menjadi pemangkin kepada transformasi tadbir urus serta kemajuan sosioekonomi luar bandar secara menyeluruh.

6. Peranan anda semua adalah amat penting, tidak kira lah samada anda seorang pengerusi, setiausaha atau AJK biasa – anda adalah tunjang utama dalam membentuk kemakmuran dan keharmonian masyarakat desa.

7. Sebagai pentadbir di peringkat akar umbi, anda memainkan peranan besar dalam memupuk perpaduan serta menjadi penghubung antara Kementerian dengan rakyat. Anda juga lah yang sentiasa mendengar keluhan dan membantu buat yang berada dalam kesulitan – umpama *condong yang akan menongkat, rebah yang akan menegakkan.*

TRANSFORMASI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Hadirin yang dihormati,

8. Sejak ditubuhkan pada tahun 1959, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus komited untuk menjadikan kawasan pedesaan sebagai tempat yang menarik dan kondusif untuk didiami, bekerja, dan melabur - di samping merapatkan jurang pembangunan antara bandar, luar bandar, dan wilayah.

9. Matlamat utama kami di KKDW adalah untuk mengangkat penduduk luar bandar daripada belenggu kemiskinan, menyediakan infrastruktur yang berkualiti, serta meningkatkan sosioekonomi warga desa.

10. Untuk mencapai agenda ini, KKDW kerap melaksanakan pendekatan yang dipacu oleh komuniti atau *community-driven approach*. Pendekatan ini akan memperkukuhkan lagi

kerjasama antara komuniti tempatan dan membina rangkaian sokongan antara kampung.

11. Jika diteliti, **Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB)** menekankan pemerkasaan komuniti dengan menggalakkan penglibatan aktif penduduk dalam merancang dan melaksanakan aspek pembangunan - selaras dengan prinsip bahawa komuniti adalah pemacu utama kemakmuran bersama.

12. Malah, kajian Bank Dunia juga mendapati bahawa program pembangunan berasaskan komuniti lebih berkesan untuk hasil jangka panjang. Ini kerana penglibatan langsung komuniti menguatkan rasa tanggungjawab dan pemilikan - yang seterusnya menjadikan setiap pembangunan yang dilakukan lebih mampan dan sesuai dengan keperluan tempatan.

BELANJAWAN 2025: MEMACU PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. **Bank Pembangunan Asia (ADB)** pula dalam sebuah kajiannya, menunjukkan bahawa masyarakat desa yang dilengkapi dengan infrastruktur asas dapat memangkin produktiviti penduduk seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

14. Kemudahan ini bukan sahaja memudahkan kehidupan harian tetapi juga menyokong pertumbuhan perniagaan kecil dan sederhana (PKS) di kawasan luar bandar. Malah, dengan adanya kemudahan ini, ekonomi tempatan dapat berkembang dengan lebih pesat dan memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

15. Oleh itu, dalam Belanjawan 2025, **KKDW telah menerima peruntukan sebanyak RM11.96 bilion, meningkat RM405.27 juta atau 3.51% berbanding tahun sebelumnya**. Daripada jumlah ini, RM7.49 bilion dikhususkan untuk pembangunan buat lebih 8.1 juta penduduk desa - menjadikan KKDW kementerian ketiga tertinggi dalam penerimaan peruntukan pembangunan selepas Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kewangan.

16. Melalui Belanjawan 2025 juga, Kerajaan terus memberi tumpuan kepada infrastruktur asas di kampung, desa, dan kawasan pedalaman dengan **peruntukan hampir RM2.9 bilion**. Daripada jumlah ini, **RM1.8 bilion** diperuntukkan untuk projek Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa, **RM500 juta** untuk Bekalan Air dan Elektrik Luar Bandar, serta **lebih RM350** juta untuk pembinaan dan penyelenggaraan jambatan uzur serta pemasangan lampu jalan kampung.

17. Selain itu, KKDW juga **diperuntukkan RM499 juta** di bawah **Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR**) bagi membasmi kemiskinan luar bandar. Antara inisiatif SPKR adalah **Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)** untuk bantuan baik pulih atau pembinaan rumah baharu bagi golongan miskin luar bandar.

18. **Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)** pula menyediakan latihan kepada kumpulan B40 bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka manakala **Program Peningkatan Pendapatan (PPP)** memberi bantuan dalam bentuk peralatan dan latihan untuk membantu B40 menambah pendapatan dan keluar dari kitaran kemiskinan.

19. Saya berkongsi semua ini kerana percaya bahawa **Pemimpin Desa MADANI** perlu memanfaatkan sepenuhnya *tools* atau alat yang tersedia di KKDW dan kementerian lain untuk memperbaiki kualiti hidup dan taraf ekonomi masyarakat luar bandar. Peranan anda sebagai pemimpin akar umbi adalah penting buat kami di pihak kepimpinan Kerajaan untuk bersama-sama memacu kemajuan negara.

PEMIMPIN DESA MADANI: TONGGAK PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA

Hadirin dan hadirat sekalian,

21. Pada tahun ini, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif untuk memperkukuh kepimpinan desa. **Kementerian turut memberikan Insentif Tadbir Urus tambahan sebanyak RM5,000 kepada setiap JPKK/JPKKP, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM77,245,000 untuk tahun 2024.**

22. Sepanjang tempoh RMKe-12 sebanyak **RM19,491,388** telah dibelanjakan bagi melaksanakan Program Pemerkasaan Kepimpinan Desa. Ini adalah tambahan daripada peruntukan untuk membayar elaun kepada **15,449 orang ahli JPKK dan JPKKP** pada tahun 2024 yang **berjumlah RM200,106,300** dan sebanyak **RM3,974,400** disalurkan untuk semua **276 JPPKOA.**

23. Saya menyebut angka-angka ini untuk menunjukkan kepentingan sokongan anda dalam membantu Kerajaan membangunkan negara. Kami yakin, melalui usaha gigih anda, ekonomi setempat dapat diperkukuh dan kesejahteraan masyarakat dipertingkat.

24. Tambahan pula, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) menyediakan **Geran Sejati MADANI** yang boleh dipohon sehingga maksimum RM100,000. Program Sejati MADANI telah mencipta banyak kejayaan, seperti inisiatif Pengerusi JPKK Kampung Batu Lapan Kampar, Mohmad Fazar, yang berjaya

mengubah lot tanah terbiar menjadi tapak projek penanaman salad secara hidroponik yang kini menguntungkan komuniti setempat.

25. Satu lagi contoh kejayaan ialah projek pembangunan eko-pelancongan di Kampung Tanjung Gahai, Lipis, Pahang, yang kini menjadi model bagi kampung lain. Melalui projek ini, Kampung Tanjung Gahai telah berkembang menjadi pusat ekopelancongan yang menawarkan aktiviti ATV dan kayak di Sungai Jelai yang teah menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

26. Inisiatif seperti ini membuktikan bahawa dengan kerjasama strategik dan tindakan proaktif, kampung-kampung di seluruh Malaysia mampu menjadi pusat ekonomi unik, membuka peluang pekerjaan, dan meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

MELANGKAH PANTAS BERSAMA DESA MADANI

Hadirin dan hadirat sekalian

27. Saya berharap konvensyen ini menjadi wadah nasional yang membolehkan lebih banyak idea baharu diaplikasikan di kampung masing-masing. Antara cadangan yang boleh saya lontarkan untuk **Kepimpinan Desa MADANI** hari ini adalah:

a) Pertama, pastikan anda mempunyai maklumat dan data komprehensif tentang kawasan yang dipimpin. Data ini penting untuk memastikan bantuan dan program disalurkan dengan berkesan dan mengikut keutamaan. Sebaiknya, kita tidak mahu lagi dengar terma "*balik-balik dia sahaja dapat".*

b) Kedua, dengan adanya data yang tepat, Kementerian boleh membantu membangunkan aplikasi dua-hala untuk memastikan bantuan disalurkan secara lancar, tanpa pertindihan, dan efektif. Aplikasi ini juga boleh digunakan untuk memaklumkan sebarang inisiatif Kerajaan kepada rakyat serta membantu syarikat atau *startup* melihat potensi projek komuniti yang boleh dilaksanakan bersama.

c) Ketiga, adakan program pertukaran di mana pemimpin komuniti berpeluang melawat dan mempelajari projek luar yang berjaya di kawasan lain. Saya yakin inisiatif ini akan mencetuskan idea baharu, menggalakkan pembelajaran silang, dan membawa amalan terbaik ke komuniti masing-masing.

d) Keempat, saya mencadangkan agar diwujudkan ruangan khas di Karnival Usahawan Desa (KUD) tahun hadapan, yang dikenali sebagai **Kampung Desa MADANI**. Di situ, saya akan memilih kampung yang terbaik dari kalangan yang terbaik.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

28. Saya menyeru anda, sebagai **Pemimpin Desa MADANI** di seluruh negara, untuk terus berusaha memimpin dan membangunkan kampung anda. Kebijaksanaan dan kecekapan anda di peringkat akar umbi akan membantu kami di KKDW untuk merancang dan melaksanakan pembangunan luar bandar yang lebih berkesan di seluruh negara.

29. Jadikan misi ini sebagai perjuangan bersama. Kita cipta perubahan ini secara bersama - demi memberikan kehidupan yang lebih baik dan bermakna untuk anak cucu kita. InsyaAllah.

31. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan **penutupan Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Luar Bandar MADANI Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.